

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020

PEMBAYARAN FASA PERTAMA BSH 2020

A. Pembayaran Fasa Pertama

1. **S: Bilakah pembayaran Fasa Pertama BSH 2020?**

J: Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
1.	Pengkreditan terus ke akaun penerima BSH	Mulai 20 Januari 2020
2.	Tunai di Kaunter BSN (termasuk Pedalaman Sabah dan Sarawak)	Mulai 1 Februari 2020

2. **S: Siapakah yang layak menerima pembayaran pada Fasa Pertama BSH 2020?**

J: Penerima BSH 2020 yang layak menerima bayaran Fasa Pertama adalah merujuk kepada **Pemohon Lulus BSH 2019 (Kategori Isi Rumah)** yang melalui semula beberapa proses tapisan Agensi Kerajaan antaranya status pemilikan kenderaan yang realistik bagi golongan berpendapatan rendah (B40).

3. **S: Adakah saya perlu mengemaskini Permohonan BSH 2020 terlebih dahulu sebelum menerima pembayaran Fasa Pertama?**

J: Tidak. Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 adalah berdasarkan data Lulus BSH 2019.

4. **S: Semakan melalui Portal BSH mendapati saya Tidak Layak sebagai penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 walaupun telah Lulus BSH 2019. Adakah saya akan menerima apa-apa pemakluman daripada LHDNM?**

J: Ya, tuan akan menerima Surat Makluman BSH 2020 berkaitan Tidak Layak menerima Fasa Pertama BSH 2020. Pemohon lulus BSH 2019 akan melalui proses tapisan Agensi Kerajaan bagi pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 (Rujuk Jawapan bagi Soalan 2).

5. **S: Adakah saya boleh membuat Permohonan BSH 2020 walaupun Tidak Layak sebagai penerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2020?**

J: Ya. Anda boleh membuat Permohonan Baharu / Kemas Kini BSH 2020. Permohonan Baharu / Kemas Kini BSH 2020 boleh dibuat mulai 1 Februari 2020 hingga 15 Mac 2020.

B. Kaedah Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020

6. **S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa Pertama BSH 2020?**

J: Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 adalah merujuk kepada kaedah pembayaran terakhir BSH 2019 seperti berikut:

i. Berjaya Kredit ke akaun

Pembayaran akan dilakukan kepada akaun penerima BSH 2019 [termasuk akaun baharu yang didaftarkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN)]

ii. Tunai di Kaunter BSN

Pembayaran akan dilakukan secara tunai sekiranya:

- a. Pembayaran terakhir BSH 2019 disebabkan kegagalan pembukaan akaun oleh BSN serta akaun yang bermasalah; atau
- b. Isteri (Pasangan) yang menerima BSH 2019 meninggal dunia; atau
- c. Pembayaran terakhir BSH 2019 secara tunai

C. Semakan Status Pembayaran

7. **S: Bagaimanakah saya boleh mengetahui yang saya adalah penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020?**

J: Semakan status bayaran Fasa Pertama BSH 2020 boleh dibuat mulai 20 Januari 2020 melalui:

- i. Portal Rasmi Bantuan Sara Hidup LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> dengan memilih Menu Semakan Status Bayaran (Fasa 1 BSH 2020); atau
- ii. Aplikasi Semakan Bantuan Sara Hidup dengan memuat turun di *Play Store / App Store* pada telefon bimbit; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau

- iv. Hubungi MoF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- v. Hadir ke LHDNM yang berhampiran; atau
- vi. Surat Makluman Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 diposkan kepada penerima yang layak berdasarkan alamat surat-menyurat yang didaftarkan pada permohonan BSH 2019

8. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 melalui Portal Rasmi BSH (<https://bsh.hasil.gov.my>)?

J: Semakan boleh dibuat pada Menu Semakan Penerima BSH seperti berikut:

- i. Klik Menu Semakan Status Bayaran (Fasa 1 BSH 2020)
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Isi *captcha* dan tekan butang Semak.
- iv. Maklumat yang akan dipaparkan
 - a. Status Permohonan
 - b. Maklumat Pembayaran Fasa Pertama (jika layak)

9. S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Penerima BSH tetapi mesej yang dipaparkan adalah “Tiada Rekod”, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana anda tidak mempunyai rekod Permohonan BSH sebelum ini. Oleh itu, anda boleh membuat Permohonan Baharu mulai 1 Februari 2020 hingga 15 Mac 2020.

10. S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Penerima BSH tetapi mesej yang dipaparkan adalah “Tidak Layak menerima Fasa Pertama”, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana data BSH 2019 anda telah dibawa ke BSH 2020 dan telah melalui proses tapisan Agensi Kerajaan bagi pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 (Rujuk Jawapan bagi Soalan 2). Oleh itu, anda boleh membuat Permohonan Baharu / Kemas Kini BSH 2020 mulai 1 Februari 2020 hingga 15 Mac 2020.

11. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan DALAM PROSES PENGKREDITAN?**

J: **DALAM PROSES PENGKREDITAN** adalah merujuk kepada data pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 dalam proses pengkreditan ke akaun mulai 20 Januari 2020. Anda boleh membuat semakan pada penyata akaun bank penerima mulai 20 Januari 2020.

12. **S: Saya telah membuat semakan pada Menu Semakan Penerima BSH dan maklumat pembayaran yang dipaparkan pada Status Kredit adalah Gagal Kredit. Apa yang perlu saya lakukan untuk mendapatkan Bayaran Fasa Pertama berkenaan?**

J: Sekiranya Status Kredit yang dipaparkan adalah **Gagal Kredit**, Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama Gagal Kredit BSH 2020 akan diposkan kepada penerima bagi penunaian di Kaunter BSN. Jika penerima tidak menerima Surat Makluman berkenaan, penunaian boleh dibuat dengan membawa MyKad setelah **Maklumat No Baucar** dipaparkan pada Maklumat Pembayaran.

Maklumat Pembayaran

Tarikh Kredit	No.Pengenalan Akaun Dikredit	Nama	Fasa	Jumlah Dikredit	Status Kredit	Nama Bank	No Akaun	Kod Tidak Berjaya	No Baucar	Tarikh Tunai
09/01/2020	XXXXXXXXXXXX		1	300	GAGAL KREDIT					

13. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan PEMBAYARAN SECARA TUNAI?**

J: **PEMBAYARAN SECARA TUNAI** adalah merujuk kepada pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 adalah secara tunai di Kaunter BSN. Anda boleh hadir untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2020 di Kaunter BSN mulai 1 Februari 2020.

D. LAIN-LAIN

14. **S: Saya berstatus Kahwin dan semasa BSH 2019, pasangan (isteri) adalah sebagai penerima BSH 2019. Pembayaran BSH 2019 adalah secara kredit ke akaun pasangan (isteri). Pada tahun 2020, saya berumur 60 tahun, adakah bayaran Fasa Pertama masih kepada pasangan (isteri) saya?**

J: Bagi pemohon yang berumur 60 tahun dan ke atas (pada tahun 2020), pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 adalah kepada pemohon.

15. S: Suami saya adalah Penerima BSH 2019 dan telah meninggal dunia pada Disember 2019. Adakah saya layak menerima Fasa Pertama BSH 2020 suami saya?

J: Penerima BSH 2019 yang meninggal dunia pada tahun 2019 **tidak layak** menerima BSH 2020. Anda boleh membuat permohonan baharu BSH 2020 mulai 1 Februari 2020 hingga 15 Mac 2020.

16. S: Saya tidak menerima sebarang Surat Makluman Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020, apa yang perlu saya lakukan?

J: Semakan status Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 boleh dibuat pada Portal BSH. Tindakan yang perlu diambil sekiranya layak pembayaran Fasa Pertama adalah seperti berikut:

- i. Mempunyai Akaun Bank – Semak penyata akaun bank pembayaran mulai 20 Januari 2020
- ii. Tiada Akaun Bank – Hadir ke kaunter BSN mulai 1 Februari 2020 dengan membawa MyKad asal penerima

17. S: Akaun yang saya telah daftarkan semasa BSH 2019 adalah tidak aktif / tutup, bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa Pertama yang saya akan terima?

J: Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 akan dibuat berdasarkan akaun yang didaftarkan semasa BSH 2019. Setelah status pengkreditan ke akaun diterima oleh LHDNM dan akaun berstatus tidak aktif / tutup, Surat Makluman Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 akan dikeluarkan untuk dibawa ke BSN bagi tujuan penunaian.

18. S: Sekiranya saya diisytiharkan muflis dan akaun yang saya daftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran Fasa Pertama BSH 2020?

J: Tuan perlu merujuk kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi mendapatkan kebenaran khas untuk pengeluaran wang BSH 2020 melalui akaun bank.

19. S: Adakah wakil dibenarkan untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2020 bagi penerima BSH yang uzur / kurang upaya / sakit berpanjangan atau mempunyai halangan untuk membuat penunaian BSH di BSN dan siapakah yang dibenarkan untuk menjadil wakil berkenaan?

J: Ya. Wakil dibenarkan untuk membuat penunaian Fasa Pertama BSH 2020 bagi pihak penerima **pembayaran secara tunai sahaja**.

Wakil yang dibenarkan untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2020 adalah wakil yang telah didaftarkan oleh penerima semasa BSH 2019 dan mestilah terdiri daripada hubungan berikut:

- i. Ibu / Bapa
- ii. Pasangan
- iii. Anak
- iv. Adik-Beradik
- v. Cucu

Bagi pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 **secara pengkreditan ke akaun**, prosedur pengeluaran BSH adalah tertakluk kepada terma dan syarat bank penerima BSH yang telah didaftarkan.

20. S: Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa mewakilkan penerima bagi penunaian Fasa Pertama BSH 2020?

J: Dokumen yang perlu dikemukakan oleh wakil / waris yang berdaftar bagi **pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 secara tunai** adalah seperti berikut:

- i. Surat Makluman Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 secara tunai; dan
- ii. Kad pengenalan (asal atau salinan) penerima; dan
- iii. Kad pengenalan (asal) wakil; dan
- iv. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil / waris

Bil.	Hubungan Wakil / Waris	Dokumen pengesahan pertalian
1.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran penerima
2.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; ATAU b. Sijil Lahir Anak
3.	Anak	Sijil Kelahiran Wakil
4.	Anak Angkat	a. Sijil anak angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada sijil angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Wakil (anak tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Penerima; DAN b. Sijil Kelahiran Wakil
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil

- v. Dokumen sokongan yang mana berkaitan:
- a) Surat Pengesahan daripada Penjara / Pusat Serenti (jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti); atau
 - b) Surat Pengesahan Majikan sebagai bukti penerima berada diluar negara kerana menjalankan tugas; atau
 - c) Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital; atau
 - d) Surat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) / Pengusaha Rumah Jagaan; atau
 - e) Surat kebenaran / pengesahan daripada hospital / klinik / ketua kampung / Ketua Kawasan dan ke atas bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); atau
 - f) Kad OKU asal

21. S: Pemohon BSH telah meninggal dunia pada tahun 2019 tetapi menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020. Adakah wakil boleh hadir untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2020 penerima berkenaan?

J: Tidak. Pemohon yang meninggal dunia pada tahun 2019 **tidak layak** menerima BSH 2020. Oleh itu, wakil tidak dibenarkan untuk membuat penunaian Fasa Pertama BSH 2020.

22. S: Adakah penunaian Fasa Pertama BSH 2020 boleh dibuat oleh wakil sekiranya pemohon tidak mendaftarkan waris semasa Permohonan BSH 2019?

J: Ya, tetapi pendaftaran waris perlu dilakukan terlebih dahulu dengan hadir ke LHDNM dan mengisi Borang Kemas Kini Maklumat Waris (BK-20) / Borang Permohonan BSH 2020 (BK-01) sebelum mewakilkan penunaian Fasa Pertama BSH 2020. Waris yang ingin didaftarkan perlu menepati hubungan pertalian seperti berikut:

- i. Ibu / Bapa
- ii. Pasangan
- iii. Anak
- iv. Adik-Beradik
- v. Cucu

23. S: Saya sebagai wakil tidak menerima Surat Makluman Fasa Pertama BSH 2020 yang dihantar kepada penerima. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan salinan Surat Makluman berkenaan?

J: Salinan Surat Makluman Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 tidak dikeluarkan oleh LHDNM. Surat Makluman berkenaan hanya boleh dicetak melalui MyBSH mulai 1 Februari 2020.

LHDNM